



PEMIMPIN NEGARA MALAYSIA



Sinopsis

Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan di negara kita. Unit ini akan menerangkan biodata ringkas semua Perdana Menteri Malaysia dan juga bidang tugas berasaskan Perlembagaan Persekutuan. Unit ini juga menerangkan pencapaian negara di bawah kepimpinan setiap Perdana Menteri.



Apakah yang akan anda pelajari?

- 1 Nama dan biodata ringkas Perdana Menteri Malaysia.
- 2 Bidang tugas Perdana Menteri.
- 3 Pencapaian negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri.



Asas Kemahiran Pemikiran Sejarah

- 1 Memahami elemen asas sejarah berkaitan dengan biodata dan latar belakang kehidupan Perdana Menteri.
- 2 Membuat interpretasi tentang bidang tugas rasmi Perdana Menteri.
- 3 Meneroka bukti signifikan berkaitan dengan pencapaian dan kemajuan negara di bawah kepimpinan setiap Perdana Menteri.



Nilai Teras Sivik

- Bertanggungjawab
- Hormat-menghormati

Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.



Kenali Perdana Menteri Kita

Perdana Menteri merupakan ketua kerajaan yang mengetuai pentadbiran negara. Perdana Menteri dilantik secara rasmi oleh Yang di-Pertuan Agong yang merupakan Ketua Utama Negara.

Kawan-kawan ...,
Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka,
Bendahara merupakan Ketua Pembesar
kerajaan. Pada masa ini, pentadbiran
kerajaan diketuai oleh Perdana Menteri.

Memang betul. Saya
pernah membaca buku
tentang Kesultanan
Melayu Melaka dan buku
biografi Perdana Menteri.



Jawatan Perdana Menteri diwujudkan selepas Tanah
Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
Jawatan Perdana Menteri kekal hingga hari ini.



TAHUKAH ANDA?

Perdana Menteri perlu mendapat
sokongan majoriti Ahli Dewan Rakyat.



CEPAT JAWAB

Bilakah jawatan Perdana
Menteri diwujudkan
di negara kita?



Perdana Menteri Kebanggaan Negara

Sejak tahun 1957 hingga tahun 2021, negara kita mempunyai sembilan orang Perdana Menteri. Kita perlu mengetahui latar belakang Perdana Menteri bagi mengenang dan menghargai jasa mereka kepada negara.



Perdana Menteri Pertama

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Ibn
Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah

- Dilahirkan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Melayu, Jalan Baharu, Alor Setar pada tahun 1909.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Penang Free School.
 - Universiti Cambridge di England dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi Barakbah.
- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Penolong Pegawai Daerah di Kulim, Kedah.
 - Pegawai Daerah di Padang Terap, Langkawi, Sungai Petani, Kedah.
- Menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955 dan Perdana Menteri dari 31 Ogos 1957 hingga 22 September 1970.
- Diberi gelaran Bapa Kemerdekaan pada 30 Ogos 1957 di Padang Kelab, Selangor.
- Meninggal dunia pada 6 Disember 1990.



Rumah Merdeka tempat penginapan Tunku Abdul Rahman di Alor Setar, Kedah.



CEPAT JAWAB

Di manakah Tunku Abdul Rahman pernah berkhidmat sebagai Pegawai Daerah?



Perdana Menteri Kedua Tun Abdul Razak bin Hussein



Replika rumah kelahiran Tun Abdul Razak di Pulau Keladi, Pekan, Pahang.



- Dilahirkan pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, Pekan, Pahang.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Jambu Langgar, Pahang.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.
 - Raffles College, Singapura.
 - Lincoln's Inn, London dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Rahah binti Mohamed Noah.



- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.
 - Menteri Besar Pahang.
- Menjadi Perdana Menteri dari 22 September 1970 hingga 14 Januari 1976.
- Mendapat gelaran Bapa Pembangunan atas sumbangan beliau.
- Meninggal dunia pada 14 Januari 1976.



PAK-21

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Dengan menggunakan sumber Internet yang sahih, catatkan ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa dan kepentingan pemimpin yang memiliki ciri-ciri kepimpinan yang berwibawa.
3. Bandingkan maklumat tersebut dengan kumpulan lain.



CEPAT JAWAB

Di manakah Tun Abdul Razak melanjutkan pelajarannya?





Perdana Menteri Ketiga

Tun Hussein bin Onn



Tun Hussein Onn mendapat pendidikan menengah di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru, Johor.



- Dilahirkan pada 12 Februari 1922 di Johor Bahru, Johor.
- Mendapat pendidikan awal di Telok Kurau Primary School, Singapura.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - English College (Maktab Sultan Abu Bakar, Johor).
 - Indian Military Academy, Dehradun, India.
 - Lincoln's Inn, London dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Tun Suhailah binti Mohamed Noah.



- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Penolong Pegawai Tadbir di Segamat, Johor.
 - Pegawai Daerah di Klang dan Kuala Selangor.
- Menjadi Perdana Menteri dari 15 Januari 1976 hingga 16 Julai 1981.
- Mendapat gelaran Bapa Perpaduan atas sumbangan beliau kepada negara.
- Meninggal dunia pada 29 Mei 1990.



TAHUKAH ANDA?

Bapa Tun Hussein Onn bernama Dato' Onn bin Jaafar, pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Dato' Onn bin Jaafar mengetuai orang Melayu menentang Malayan Union yang ditubuhkan oleh British pada 1 April 1946.



Perdana Menteri Keempat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



Rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah.



- Dilahirkan pada 10 Julai 1925 di Seberang Perak, Alor Setar, Kedah.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Government English School (Kolej Sultan Abdul Hamid), Alor Setar.
 - Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura.
 - Universiti Malaya, Singapura dalam bidang perubatan.
- Berkahwin dengan Tun Dr. Siti Hasmah binti Mohd Ali.



- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Pegawai perubatan di Alor Setar, Jitra dan Langkawi, Kedah serta Perlis.
 - Menteri Pelajaran Malaysia.
- Menjadi Perdana Menteri dari 16 Julai 1981 hingga 30 Oktober 2003.
- Mendapat gelaran Bapa Pemodenan atas sumbangan beliau kepada negara.



TAHUKAH ANDA?

Pada tahun 1957, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah membuka Klinik MAHA di Alor Setar, Kedah yang masih beroperasi hingga hari ini.



CEPAT JAWAB

Namakan tempat Tun Dr. Mahathir Mohamad berkhidmat sebagai pegawai perubatan.



Perdana Menteri Kelima

Tun Abdullah bin Ahmad Badawi



Tun Abdullah Ahmad Badawi mendapat pendidikan menengah di Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

- Dilahirkan pada 26 November 1939 di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Permatang Bertam, Kepala Batas dan lulus Special Malay Class.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
 - Methodist Boys School, Pulau Pinang.
 - Universiti Malaya dalam bidang Pengajian Islam.
- Berkahwin dengan Datin Seri Endon binti Dato' Mahmood.
- Selepas Datin Seri Endon meninggal dunia, beliau berkahwin dengan Tun Jeanne binti Abdullah.
- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Setiausaha Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
 - Ketua Pengarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Menjadi Perdana Menteri dari 31 Oktober 2003 hingga 3 April 2009.
- Mendapat gelaran Bapa Pembangunan Modal Insan atas sumbangan beliau kepada pembangunan negara.



CEPAT JAWAB

Apakah jawatan Tun Abdullah Ahmad Badawi sebelum menjadi Perdana Menteri?



Perdana Menteri Keenam Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak



Rumah kelahiran Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak di Kuala Lipis, Pahang.



- Dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang.
- Mendapat pendidikan rendah dan menengah di St. John Institution, Kuala Lumpur.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Universiti Nottingham, England dalam bidang ekonomi industri.
- Berkahwin dengan Datin Sri Rosmah binti Mansor.



- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Pengurus Perhubungan Awam di Bank Negara Malaysia dan Petronas.
 - Menteri Besar Pahang.
- Menjadi Perdana Menteri dari 3 April 2009 hingga 9 Mei 2018.
- Memperkenalkan Gagasan 1Malaysia.



Perdana Menteri Ketujuh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad

- Menjadi Perdana Menteri kali kedua pada 10 Mei 2018 hingga 24 Februari 2020.
- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Pengerusi PETRONAS.
 - Penasihat PROTON.
- Meneruskan kerjasama dengan negara luar melalui lawatan, antaranya ke Jepun, Thailand dan United Kingdom.
- Memperkenalkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.



Perdana Menteri Kelapan

Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin



Sekolah Tinggi Muar, Johor tempat Tan Sri Mahiaddin Md Yassin mendapat pendidikan sekolah menengah.

- Dilahirkan pada 15 Mei 1947 di Muar, Johor.
- Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ismail, Muar, Johor.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Government English School (Sekolah Tinggi Muar, Johor).
 - Universiti Malaya, Kuala Lumpur dalam bidang Ekonomi dan Pengajian Melayu.
- Berkahwin dengan Puan Sri Noorainee binti Abdul Rahman.
- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.
 - Menteri Besar Johor.
- Menjadi Perdana Menteri dari 1 Mac 2020 hingga 16 Ogos 2021.



Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang tempat Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob mendapat pendidikan sekolah menengah.
Sumber: Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang.

Perdana Menteri Kesembilan

Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob

- Dilahirkan pada 18 Januari 1960 di Temerloh, Pahang.
- Mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Bangau, Temerloh, Pahang.
- Melanjutkan pelajaran di:
 - Sekolah Menengah Air Putih, Kuantan, Pahang.
 - Sekolah Menengah Teknik Kuantan, Pahang.
 - Universiti Malaya dalam bidang undang-undang.
- Berkahwin dengan Datin Seri Muhaini binti Zainal Abidin.
- Pernah berkhidmat sebagai:
 - Peguam.
 - Menteri Belia dan Sukan.
 - Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.
 - Menjadi Perdana Menteri pada 20 Ogos 2021.

Latar belakang pendidikan dan pengalaman perkhidmatan setiap Perdana Menteri Malaysia menyumbang kepada pentadbiran negara yang sistematik dan berkesan.



12.1.1

NOTA GURU

- Bimbing murid mengetahui biodata semua Perdana Menteri Malaysia.



Tugas-tugas Perdana Menteri

Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Perdana Menteri dibantu oleh Jemaah Menteri, kementerian-kementerian dan kakitangan perkhidmatan awam dalam pengurusan pentadbiran negara.

Menasihati Yang di-Pertuan Agong berkaitan dengan pemerintahan negara



Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan Yang di-Pertuan Agong ke-13.
Sumber: BERNAMA.

Mengiringi Yang di-Pertuan Agong ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja



Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengiringi Yang di-Pertuan Agong ke-15 dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Mencadangkan senarai Jemaah Menteri untuk dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong



Barisan Jemaah Menteri yang dilantik di bawah kepimpinan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Mempengerusikan Mesyuarat Jemaah Menteri



Mesyuarat Jemaah Menteri yang pertama selepas kemerdekaan yang dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Sumber: Institut Tadbiran Awam Negara, 1993. *Negara Kita: Sejarah, Pentadbiran dan Dasar-dasar Pembangunan*. Kuala Lumpur: Percetakan Negara Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami tugas dan peranan Perdana Menteri.

Menjadi ketua pentadbir utama yang merancang dan menyelaraskan semua dasar negara



Tun Dr. Mahathir Mohamad mengadakan mesyuarat dengan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Sumber: Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Memastikan semua dasar pembangunan negara dapat ditingkatkan demi kesejahteraan rakyat



Tun Abdul Razak Hussein meninjau perkembangan tanaman getah di kawasan FELDA Lurah Bilut, Pahang.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan negara luar



Pertemuan Tun Hussein Onn dengan Presiden Anwar Sadat pada tahun 1977 telah mengukuhkan hubungan Malaysia-Mesir.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

Mencadangkan pelantikan duta, diplomat dan konsulat bagi mewakili negara untuk menjalin kerjasama dengan negara lain



Watikah pelantikan duta Malaysia ke Rusia oleh Yang di-Pertuan Agong semasa pentadbiran Tan Sri Mahiaddin Md Yassin.

Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia.

Perdana Menteri mempunyai tanggungjawab untuk memajukan negara demi kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kita perlu menghargai jasa dan sumbangan pemimpin demi kemajuan negara.



Mengapakah jawatan Perdana Menteri penting kepada pentadbiran sesebuah negara?



CEPAT JAWAB

Nyatakan bidang tugas Perdana Menteri.



Pencapaian Negara di Bawah Kepimpinan Perdana Menteri

Pencapaian negara di bawah kepimpinan Perdana Menteri dapat meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang cemerlang dan bersatu padu. Kewibawaan semua Perdana Menteri dapat memastikan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat dilaksanakan secara berterusan.

1

Kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

- Memperjuangkan kemerdekaan negara secara rundingan.
- Berjaya merealisasikan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.



Tun Abdul Razak Hussein memberikan penerangan berkaitan dengan DEB.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Bagaimanakah anda menyatakan penghargaan kepada pemimpin negara?



Laungan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Sumber: Arkib Negara Malaysia.

2

Kepimpinan Tun Abdul Razak Hussein

- Mengembalikan keamanan negara selepas peristiwa 13 Mei 1969 melalui pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN).
- Memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk membasmi kemiskinan rakyat dan menyusun semula masyarakat berbilang kaum.





Tun Hussein Onn semasa pelancaran Amanah Saham Nasional.
Sumber: Arkib Negara Malaysia.



Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

3

Kepimpinan Tun Hussein Onn

- Memperkenalkan Amanah Saham Nasional Berhad untuk memudahkan kaum bumiputera memiliki saham dalam syarikat berhad.
- Memperkenalkan Program Rukun Tetangga untuk menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

4

Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad

- Merealisasikan hasrat menjadikan Malaysia sebagai negara maju melalui Wawasan 2020 dengan pembinaan Pusat Pentadbiran Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Menara Berkembar Petronas di Kuala Lumpur City Centre (KLCC).
- Memperkenalkan sektor perindustrian berteknologi tinggi melalui penubuhan The Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM).



IMBAS SAYA

Wawasan 2020

5

Kepimpinan Tun Abdullah Ahmad Badawi

- Memperkenalkan Koridor Wilayah Ekonomi untuk memastikan pembangunan ekonomi seimbang dan kemasukan pelaburan yang besar.
- Memperkenalkan Pelan Integriti Nasional (PIN) untuk membina masyarakat yang bermoral dan beretika.



Pembangunan Koridor Wilayah Ekonomi Selatan (Iskandar Malaysia) di Johor.



TAHUKAH ANDA?

HICOM memfokuskan perindustrian kejuruteraan automotif dan perkapalan, besi dan keluli serta kilang penapisan petroleum.



CEPAT JAWAB

Namakan pelan yang diperkenalkan untuk mewujudkan masyarakat yang bermoral dan beretika.

6

Kepimpinan Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak

- Memperkenalkan Gagasan 1Malaysia pada 3 April 2009. Gagasan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dan kerjasama antara kaum demi kesejahteraan negara.
- Melancarkan Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bermatlamat untuk menjadikan negara berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020.



Logo rasmi Gagasan 1Malaysia dengan moto "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

Sumber: www.penerangan.gov.my.



Poster berkaitan dengan usaha rakyat Malaysia berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19.

Sumber: www.mkn.gov.my.

7

Kepimpinan Tan Sri Mahiaddin Md Yassin

- Menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) untuk menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi dan meningkatkan pelaburan.
- Mengumumkan peruntukan besar dari segi kewangan untuk membantu rakyat susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa pandemik COVID-19.



IMBAS SAYA

COVID-19

8

Kepimpinan Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob

- Memperkenalkan konsep Keluarga Malaysia yang mengambil semangat institusi keluarga dalam memelihara agama, melindungi keselamatan, menjaga maruah dan memastikan nasib setiap ahli keluarga terbela.
- Konsep Keluarga Malaysia meraikan keterangkuman yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, kaum dan usia.

Sumber: www.pmo.gov.my

Perdana Menteri menjalankan tugas dengan penuh prihatin dan bertanggungjawab untuk pembangunan negara serta kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kita perlulah memahami kepentingan memberikan sokongan kepada kepimpinan negara bagi memastikan kedaulatan negara dan perpaduan rakyat kekal terpelihara.





1

Kenali Perdana Menteri Kita

Perdana Menteri Kebanggaan Kita

2



3

Tugas Perdana Menteri

- Menjadi Penasihat kepada Yang di-Pertuan Agong
- Mengetuai Jemaah Menteri
- Menjadi Ketua Pentadbir Utama
- Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan.

Pencapaian Negara di Bawah Kepimpinan Perdana Menteri

4

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
- Tun Abdul Razak bin Hussein
- Tun Hussein bin Onn
- Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
- Tun Abdullah bin Ahmad Badawi
- Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak
- Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin
- Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob

Unit ini menerangkan biodata Perdana Menteri dan bidang tugasnya. Sumbangan Perdana Menteri telah membawa kejayaan kepada Malaysia pada peringkat dunia yang akan dipelajari dalam unit seterusnya.



FIKIR DAN JAWAB

- A Cari maklumat daripada buku-buku dan sumber Internet yang sahih.
- B Kemudian lengkapkan jadual di bawah.
- C Kongsikan maklumat dengan rakan lain di dalam kelas.

Nama Perdana Menteri	Sumbangan
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	
Tun Abdul Razak bin Hussein	
Tun Hussein bin Onn	
Tun Dr. Mahathir bin Mohamad	
Tun Abdullah bin Ahmad Badawi	
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak	
Tan Sri Mahiaddin bin Md Yassin	
Dato' Seri Ismail Sabri bin Yaakob	



IMBAS SAYA

Fikir dan jawab

NOTA GURU

- Bimbing murid untuk mencari maklumat berkaitan dengan sumbangan setiap Perdana Menteri Malaysia kepada bangsa dan negara.



CINTA AKAN NEGARA

Setiap pemimpin yang memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara wajar disanjung. Pengorbanan pemimpin perlu dicontohi dan dijadikan iktibar dalam kehidupan setiap warganegara Malaysia.

Diri

Kita perlu menghormati pemimpin negara.

Masyarakat

Sokongan kepada pemimpin berwibawa akan melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara.

Negara

Sikap bertanggungjawab akan memastikan kedaulatan negara kekal terpelihara.

Galeria Perdana, Pulau Langkawi, Kedah.